

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MICHAEL TEO YU KENG
[MIRI]
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 32

Y.B. TUAN MICHAEL TEO YU KENG [MIRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah menjadi mangsa dalam pelaburan "*Swiber Bonds*" yang dijual oleh United Overseas Singapore. Tiga tahun lalu berjuta-juta ringgit telah hilang dan tidak dapat dikembalikan kepada pelabur-pelabur walaupun sudah tarikh matang. Apakah tindakan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mencegah skim pelaburan yang mencurigakan ini supaya rakyat tidak menjadi mangsa penipuan skim pelaburan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Swiber Holdings Limited (Swiber) adalah sebuah syarikat Singapura yang menyediakan perkhidmatan sokongan untuk industri minyak dan gas (O&G). Swiber telah menerbitkan bon di Singapura yang hanya boleh dibeli oleh pelabur sofistikated, termasuk pelabur institusi dan juga individu dengan nilai bersih tinggi (*high net worth individuals*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi terbitan bon di Malaysia, penerbit hendaklah mematuhi beberapa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) iaitu :-

1. Garis Panduan mengenai Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar; dan
2. Garis Panduan mengenai Terbitan Bon Korporat dan Sukuk kepada Pelabur Runcit.

Memandangkan “Swiber Bonds” bukan diterbit dan dijual di Malaysia, sebarang ketidakpatuhan berkaitan bon tersebut dan risiko-risiko kerugian yang berlaku bukanlah di bawah bidang kuasa SC. Sehubungan itu, para pelabur adalah dinasihatkan untuk meneliti dan memahami risiko-risiko yang akan dihadapi sebelum membuat sebarang pelaburan di luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN CHAN MING KAI**
[ALOR SETAR]
TARIKH : **08 OKTOBER 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 33

Y.B. TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah hasil faedah daripada deposit SSPN tidak dimasukkan sebagai hasil pendapatan PTPTN yang tertakluk kepada cukai pendapatan dan berapa rebat zakat yang telah dituntut dalam cukai pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah diluluskan pengecualian cukai pendapatan oleh pihak Kementerian Kewangan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Sehubungan itu, sama ada hasil faedah daripada deposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dimasukkan sebagai hasil pendapatan yang tertakluk kepada cukai pendapatan dan tuntutan rebat zakat bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan adalah tidak berbangkit.